

06 NOV 2003

Abdullah-Umno

JAWATANKUASA PENAJA UMNO AKAN DIPUTUSKAN DALAM MT AKAN DATANG

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kedudukan Jawatankuasa Penaja Umno akan diputuskan secara muktamad oleh Majlis Tertinggi (MT) pada mesyuaratnya yang akan datang.

"Dalam mesyuarat MT akan datang, kita akan buat keputusan muktamad mengenai kedudukan jawatankuasa penaja itu," kata Abdullah, yang juga Pemangku Presiden Umno.

Soal jawatankuasa penaja itu timbul ekoran persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Abdullah berkata MT juga bersetuju untuk mengadakan majlis terima kasih dan penghargaan kepada bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali selepas Hari Raya Puasa kelak.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu buat kali pertamanya selepas mengambil alih tampuk pemerintahan negara dan parti, Jumaat lepas.

Dalam mesyuarat MT hari ini, Abdullah antara lain menerangkan kepada anggota MT mengenai saranan "kerja dengan saya dan bukan kerja untuk saya" yang dibuat beliau sebelum ini.

Perdana Menteri juga berkata sokongan parti dan Kabinet akan dapat membantu memperbaiki lagi "public delivery system" ke arah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

Beliau juga meminta pemimpin parti tidak berpecah belah dan terus menjaga imej baik parti.

Ditanya sama ada beliau akan mengumumkan pelantikan timbalannya sebelum menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Nigeria dan melawat Jepun bulan depan, Abdullah berkata beliau belum memutuskan sama ada hendak menghadiri mesyuarat CHOGM.

Abdullah kemudian menghadiri majlis berbuka puasa bersama dengan anggota MT di Ibu Pejabat Umno.

-- BERNAMA

JM MRA AHH MOZ